

Star dibenar ketepi arahan

UM 16 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Mahkamah Rayuan hari ini mengetepikan perintah Mahkamah Tinggi supaya Star Papyrus Printing Sdn Bhd memberi butiran dakwaan fitnah terhadap Mirzan Mahathir dalam tempoh 14 hari dan jika gagal, pernyataan pembelaan syarikat itu akan dibatalkan.

Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Gopal Sri Ram yang bersidang bersama Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Datuk Haidar Mohd Noor membuat keputusan itu, selepas Star Papyrus (perayu) dan Mirzan (responden) bersetuju dengan keputusan penyelesaian rayuan itu.

Gopal berkata, walaupun perintah Mahkamah Tinggi itu diketepikan, keputusan mahkamah berhubung penyerahan butiran itu pada 28 dan 30 Ogos serta pindaan butiran itu pada 19 Oktober 1999 masih kekal.

Sehubungan itu, katanya, mahkamah memerintahkan kes itu disebut di depan hakim perbicaraan esok bagi membolehkan hakim berkenaan menetapkan tarikh perbicaraan selwatnya enam bulan bermula esok.

Katanya, semua permohonan sampingan kes itu yang akan dikemukakan kepada mahkamah perlu diselesaikan dalam tempoh enam bulan itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, perayu dan responden diberi kebebasan untuk mengemukakan sebarang permohonan sama ada di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan.

Selain itu, katanya, keputusan hakim perbicaraan berhubung kenyataan yang disiarkan mempunyai unsur fitnah tidak mengikat perayu atau responden dalam perbicaraan nanti.

Gopal berkata, mahkamah juga mengetepikan perintah kos tanggung rugi yang dikeluarkan terhadap perayu.

Penolong Kanan Pendaftar pada 13 Ogos tahun lalu memerintahkan defendan menyediakan butiran lanjut kandungan artikel yang dakwa memfitnah Mirzan yang disiarkan oleh *The Asian Wall Street Journal* (AWSJ).

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Dr Kamilanathan Ratnam pada 7 Mac lalu menolak rayuan defendan untuk mengetepikan keputusan penolong kanan pendaftar.

Mirzan mengemukakan saman malu terhadap Star Papyrus dan menuntut ganti rugi sebanyak RM150 juta.

Dalam pernyataan tuntutan, Mirzan mendakwa artikel itu memfitnahnya dengan membawa maksud beliau membina empayar perniagaannya bukan atas kemampuannya tetapi mendapat faedah daripada keistimewaan, nepotism dan pilih kasih.

Sehubungan itu, katanya, perasaan dan nama baiknya dalam bidang perniagaan terjejas serta tercemar.

Menurumya, artikel itu memberi gambaran beliau menjalankan perniagaan secara cuai, tetapi selamat kerana menyalahgunakan kedudukannya sebagai anak Perdana Menteri serta diselamatkan oleh kerajaan atas pengaruh bapanya.

Dalam pernyataan pembelaannya, perayu menafikan artikel yang dicetaknya dan disiarkan oleh AWSJ memfitnah responden.

Star Papyrus, anak syarikat Star Publications (M) Bhd yang mencetak AWSJ edisi Kuala Lumpur, sehubungan itu akan membatalkan saman berkenaan jika Mirzan ingin meneruskan tuntutan ke atas syarikat itu.